Kajian ini dijalankan untuk mengilustrasikan rupa bentuk dan setiap bahagian pada pakaian tradisional *Sabung Impit* di Paitan Sabah. Sesuatu pakaian tradisional tidak akan sempurna jika tidak mempunyai perhiasan. Oleh itu kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti perhiasan diri bagi pemakaian *Sabung Impit* agar dapat dijadikan panduan semasa menggunakan pakaian ini dan si pemakai juga dapat mengetahui nama pada setiap bahagian *Sabung Impit*. Selaras dengan objektif pertama dan kedua dalam kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) iaitu menjelaskan jenis pakaian tradisional dan perhiasan diri, manakala yang kedua ialah, memperihalkan pakaian tradisional dan perhiasan diri. Setiap pemakaian lengkap pakaian tradisional terdapat perhiasan diri yang menjadi lambing kepada setiap kau atau etnik tersebut. Demikian juga bagi etnik Tombonuo di Paitan Sabah terdapat perhiasan diri yang digunakan bagi melengkapi pakaian tradisional tersebut.

Seterusnya, kajian ini dijalankan untuk menganalisis jenis motif dan pembentukan corak pada pakaian tradisional *Sabung Impit*. Seperti masyarakat lain etnik Tombonuo juga mempunyai motif dan corak pada pakaian tradisional mereka dan hal ini menunjukkan bahawa mereka etnik Tombonuo ini juga mempunyai nilai kreativiti yang tinggi. Menurut Siti Zainon Ismail (1986), motif merupakan unsur utama dalam ragam hias satu corak pakaian. Corak terhasil apabila terdapat pengulangan motif pada satu permukaan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mendokumentasikan dan mengilustrasikan motif dan pembentukan corak pada *Sabung Impit* agar lebih ramai





lagi dapat menikmati nilai estetik yang terdapat pada pakaian tradisional ini selain itu, penyelidikan ini juga diharapkan dapat melestarikan khazanah budaya negara disamping menjadi rujukan kepada guru untuk menambah bahan pengajaran didalam kelas serta menjadi rujukan tambahan kepada penyelidik pada masa akan datang.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menjadi panduan kepada masyarakat Tombonuo khususnya generasi muda yang sudah tidak mengetahui akan hal ini dan tidak ambil peduli akan perkara ini. Sekiranya perkara ini dibiarkan berlarutan maka, tidak hairanlah jika satu hari masyarakat Tombonuo akan terus tidak dikenali dan budaya unik yang mereka miliki akan hilang ditelan zaman.



Etnik Tombonuo tidak kurang arifnya dalam bidang kraf tradisional ini jika dibandingkan dengan etnik lain yang terdapat di Sabah. Ketamadunan yang dimiliki dalam bidang kraf ini dapat dilihat pada setiap kraf tangan yang dihasilkan dalam bidang anyaman, ukiran, alat muzik dan termasuklah busana pakaian tradisional yang menjadi simbol kepada masyarakat itu sendiri. Namun adakah generasi muda masih mengetahui bagaimana pemakaian pakaian tradisional?

Berdasarkan kepada kajian rintis yang telah dijalankan, generasi muda khususnya golongan remaja mereka tidak mengetahui cara pemakaian *Sabung Impit*. Apa yang lebih membimbangkan adalah dalam kalangan generasi muda ini ada yang mengatakan bahawa mereka langsung tidak mengetahui apa yang dimaksudkan dengan





Sabung Impit itu sendiri. Hal ini menjadi bukti kukuh bahawa ibu bapa mereka juga sudah tidak lagi mempraktikkan lagi pemakaian *Sabung impit* walaupun pada hari istimewa seperti perkawinan dan juga majlis-majlis tertentu. Sekiranya masalah ini dibiarkan berterusan maka tidak hairanlah sekiranya identiti etnik Tombonuo Paitan satu hari nanti akan hilang seiring dengan arus pemodenan.

Masyarakat Tombonuo Paitan sendiri tidak lagi mengetahui makna yang terdapat pada motif dan corak yang dihasilkan pada *Sabung Impit*, berdasarkan kepada kajian rintis yang dijalankan. Terdapat segelintir etnik Tombonuo Paitan yang menghasilkan *Sabung Impit*, namun mereka tidak mengetahui nama dan makna setiap motif yang dihasilkan. Motif yang mereka hasilkan tidak lagi menggambarkan identiti etnik Tombonuo kerana mereka menghasilkan motif berdasarkan kepada citarasa sendiri tanpa melihat kepada makna dan motif asal etnik Tombonuo yang menceritakan tentang etnik Tombonuo Paitan itu sendiri.

Kajian ini sangat penting untuk dijalankan agar warisan berharga ini terus dipelihara dan tidak luput disebabkan arus pemodenan. Pakaian ini merupakan identiti masyarakat Tombonuo yang mempunyai keunikannya tersendiri. Masyarakat perlu diberikan pendidikan dan latihan kemahiran berkaitan penghasilan pakaian tradisional, dari segi reka bentuk *sabung Impit*. Etnik Tombonuo Paitan, mereka tidak lagi menggunakan perhiasan diri bagi pemakaian *Sabung Impit* kerana mereka merasa malu. Sekiranya ada yang masih mempraktikkan hanya golongan yang berumur 70 tahun keatas sahaja dan kebanyakan mereka ini tinggal di kawasan pedalaman.



Dalam bidang pendidikan pula, masalah yang dihadapi oleh guru adalah kekurangan sumber bahan rujukan. Hal ini kerana, buku teks yang dibekalkan hanya memberikan contoh Pakaian Tradisional bagi kaum utama di Malaysia sahaja seperti, Melayu, Cina, India, Iban, dan Kadazan. Rujukan dalam laman sesawang juga adalah kurang dan tidak dapat dipastikan Kesahihannya. Oleh itu, murid di sekolah khususnya etnik Tombonuo Paitan, tidak akan mencapai objektif pembelajaran dalam bidang Sejarah dan Apresiasi Seni Visual iaitu, menjelaskan jenis pakaian tradisional dan perhiasan diri membanding beza jenis pakaian tradisional dan motif pada perhiasan diri. Akibatnya adalah murid tidak akan dapat menghargai dan melestarikan warisan kebangsaan melalui pengetahuan terhadap jenis pakaian tradisional dan perhiasan diri serta motif mengikut kaum yang menjadi fokus dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah tingkatan 3 (KSSM).

Oleh itu, Kajian ini penting untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat Tombonuo bahawa *Sabung Impit* perlu dikekalkan dan bidang ini boleh menjadi pendapatan sampingan atau utama sekiranya mereka mengusahakannya dengan lebih serius, kerana pakaian ini mempunyai harga yang tinggi kerana nilai estetik yang terdapat pada *Sabung Impit* itu sendiri.

1.4 Kepentingan Kajian

Pesta Tagunggu Paitan yang dijalankan setiap tahun merupakan satu bukti kukuh di mana masyarakat Tombonuo berusaha untuk memperkenalkan dan mempertahankan budaya dan tradisi mereka yang diwarisi dari nenek moyang.



“Pesta Taggungu Paitan ini merupakan satu pendekatan yang sangat baik bagi daerah kecil ini dalam usaha mempromosikan warisan budaya kita. Memperkenalkan semula muzik dan tarian tradisi ini akan dapat membantu kita menghidupkan kembali warisan seni budaya di samping memperkaya khazanah seni budaya tradisional negara.”

Sabung Impit ini merupakan pakaian ini telah wujud sejak dahulu lagi sehingga kini. Tidak hairanlah mengapa setiap pakaian tradisional ini mempunyai keunikan dan keistimewaan dari segi motif dan rekabentuk pakaian itu sendiri. Hal ini, merupakan sebab utama mengapa kajian ini begitu menarik untuk dijalankan. Apa yang penting adalah untuk mengetahui apa ciri-ciri istimewa yang terdapat pada pakaian ini dan jenis motif serta falsafah di sebalik penghasilan motif pada *Sabung Impit* itu sendiri sehingga busana tradisional ini mampu beradaptasi dengan perubahan budaya untuk memastikan pakaian ini terus wujud.



1.4.1 Melestarikan *Sabung Impit* Etnik Tombonuo Paitan

Kajian mengenai pakaian tradisional adalah sangat terhad. Dalam melestarikan *Sabung Impit* etnik Tombonuo ini, kajian secara terperinci perlu dijalankan agar khazanah berharga ini terus kekal terpelihara seiring dengan perubahan zaman.

Seiring dengan peredaran zaman masyarakat Tombonuo khususnya generasi muda sudah tidak lagi mengambil peduli akan kewujudan *Sabung Impit* ini. Oleh itu, kajian ini adalah sangat penting dalam mendokumentasikan *Sabung Impit* dengan lebih terperinci agar dapat menjadi rujukan kepada penyelidik pada masa akan datang.





1.4.2 Meningkatkan Kemahiran dan mendidik Etnik Tombonuo Paitan

Estetik pada pakaian tradisional ini juga dapat membantu masyarakat setempat untuk mempelajari lebih mendalam tentang pola pakaian tradisional ini. Berdasarkan kajian rintis yang telah dijalankan oleh pengkaji, penduduk setempat tidak mahu menghasilkan pakaian tradisional ini kerana kurangnya ilmu pengetahuan dalam struktur reka bentuk pakaian. Keadaan ini telah mendorong mereka untuk tidak menceburkan diri dalam penghasilan pakaian tradisional *Sabung Impit* ini. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat mengubah persepsi masyarakat setempat mengenai pakaian tradisional. Mereka menganggap bahawa pakaian ini amat sukar dihasilkan.

Kajian ini juga, dapat memberikan manfaat kepada masyarakat Sabah khususnya mereka etnik Tombonuo. Hal ini kerana kurangnya pengetahuan berkaitan dengan pakaian tradisional etnik Tombonuo. Sekiranya ditanya bagaimana motif pada pakaian Tradisional *Sabung impit* terhasil mereka sudah tidak mengetahui bagaimana untuk menghasilkannya. Oleh itu, kajian ini dapat membantu mereka untuk mempelajari bagaimana motif dan corak dihasilkan pada pakaian tradisional dari asas motif sehingga terbentuknya corak pada pakaian tradisional.

Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat yang berguna kepada masyarakat Sabah khususnya masyarakat Tombonuo di Paitan dan lebih ramai lagi etnik Tombonuo yang akan melibatkan diri dalam bidang ini agar warisan turun temurun ini dapat dikekalkan bagi rujukan generasi akan datang.





1.4.3 Bidang Pendidikan

Kajian ini diharapkan dapat membantu guru dalam proses pengajaran yang dijalankan di bilik darjah sebagai bahan bantu mengajar, Berdasarkan huraian Sukatan Pembelajaran Pendidikan seni visual di sekolah KBSM tingkatan 4 dan 5 terbahagi kepada dua bidang iaitu penghasilan seni visual dan bidang sejarah dan apresisi seni visual. Dalam bidang sejarah dan apresiasi seni terdapat tajuk 'Pakaian Tradisional di Malaysia' dalam bahagian perkembangan seni di Malaysia. Contoh pakaian tradisional yang terdapat dalam tajuk ini adalah terhad kepada kaum dominan seperti Melayu, Cina, Iban, India, Portugis dan bagi pakaian tradisional. Di Sabah, hanya etnik Kadazandusun sahaja yang disenaraikan daripada 67 etnik yang terdapat pada tajuk ini. Diharapkan kajian ini dapat membantu guru dalam memperbanyakkan lagi bahan pengajaran dalam tajuk pakaian tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah Kurikulum Standard Sekolah Menengah Tingkatan 3 (KSSM).

Pemilihan bahan bantu mengajar adalah bergantung kepada kebijaksanaan guru dalam menapis maklumat yang diperlukan, berdasarkan dengan tahap keupayaan murid dalam menerima informasi baharu. Oleh itu kajian ini diharapkan dapat membantu guru dalam memperkaya pengetahuan murid mengenai pakaian tradisional khususnya di Sabah. Apa yang lebih penting adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran setempat diaplikasikan dalam bilik darjah agar generasi muda khususnya etnik Tombonuo mengenali pakaian tradisional mereka sendiri. Usaha ini adalah sebagai anjakan yang perlu dilaksanakan khususnya oleh guru pendidikan seni visual bagi menjamin murid dapat mendekati dan memahami serta berbangga dengan kepelbagaian khazanah yang terdapat di negara kita.





1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Menerangkan ciri-ciri *Sabung Impit* etnik Tombonuo di Paitan, Sabah.
2. Mengenalpasti jenis motif dan corak pada *Sabung Impit* etnik Tombonuo di Paitan, Sabah.
3. Menganalisis makna motif dan corak *Sabung Impit* etnik Tombonuo di Paitan, Sabah.

1.6 Persoalan Kajian



Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah ciri-ciri *Sabung Impit* etnik Tombonuo di Paitan, Sabah?
2. Apakah jenis motif dan corak pada *Sabung Impit* etnik Tombonuo di Paitan, Sabah?
3. Apakah makna setiap motif dan corak yang dihasilkan pada *Sabung Impit* etnik Tombonuo di Paitan, Sabah?





1.7 Kerangka Teori Kajian

Kajian Pakaian Tradisional dan Perhiasan diri sabung Impit Etnik Tombonuo Dalam Konteks KSSM Pendidikan Seni Visual ini didasari oleh teori utama iaitu teori Apresiasi oleh Edmund Bruke Feldman (1994) dan Pendekatan Reka bentuk oleh Siti Zainon Ismail (1986). Teori ini menjadi dasar serta panduan dalam menjalankan kajian ini.


1.7.1 Teori Apresiasi oleh Edmund Bruke Feldman (1994)

Berdasarkan teori Apresiasi, terdapat empat langkah dalam proses kritikan atau lebih dikenali sebagai proses apresiasi dalam seni. Menurut Edmund Bruke Feldman (1994) menyatakan bahawa kita perlulah mengelakkan konflik berlaku semasa proses kritikan berlaku. Seseorang tidak perlu untuk melakukan kritikan kepada hasil sendiri. Bagi mendapatkan kritikan yang adil dan saksama haruslah mengikuti empat langkah dalam menjalankan kritikan. Rajah 1.1 merupakan proses dalam melakukan kritikan dan apresiasi.



Rajah 1.1

Teori Apresiasi Oleh Edwin Bruke Feldman



1.7.2 Pendekatan Reka bentuk Siti Zainon Ismail 1986

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji juga mengaplikasikan pendekatan Reka bentuk oleh Siti Zainon Ismail sebagai panduan agar kajian yang dijalankan lebih terarah kepada topik yang menjadi perbincangan dalam kajian.

Berdasarkan rumusan yang dinyatakan oleh Siti Zainon Ismail ini, reka bentuk terbahagi kepada dua iaitu reka bentuk gunaan dan reka bentuk estetik di mana kedua-dua unsur reka bentuk ini berada pada kedudukan yang setara dan kedua unsur ini membantu dalam menambahkan kesedaran estetik (Siti Zainon Ismail, 1986)


Dalam menjalankan kajian ini pengkaji mengaplikasikan Pendekatan ini sebagai garis panduan bagi mendapatkan maklumat mengenai reka bentuk pakaian atau pola pakaian tradisional *Sabung Impit* dengan mengaplikasikan unsur reka bentuk gunaan seperti yang diterangkan oleh Siti Zainon Ismail (1986). Iaitu reka bentuk gunaan yang bererti bentuk luar atau bentuk asas sesuatu kraf tangan.

Seterusnya, adalah unsur reka bentuk estetik atau rupa ragam hias iaitu, hasil daripada teknik menghias, yang berperanan untuk menambahkan lagi keindahan reka bentuk gunaan. Antara elemen utama dalam reka bentuk estetik ini adalah bentuk dan potongan gaya melalui motif dan corak. Dalam kraf tangan, motif dan corak merupakan pelengkap hiasan bentuk luar.

1.8 Kerangka Konsep Kajian

Rajah 1.2

Kerangka Konsep





1.9 Kaedah Kajian

Kaedah kualitatif digunakan sebagai pendekatan kajian. Kaedah kualitatif deskriptif, dipilih berdasarkan ciri-ciri yang terdapat dalam kajian yang sedang dijalankan iaitu Pakaian Tradisional dan Perhiasan diri sabung Impit Etnik Tombonuo Dalam Konteks KSSM Pendidikan Seni Visual.

1.9.1 Kajian Lapangan

Kaedah kualitatif dijalankan berdasarkan kepada situasi yang sebenar iaitu menjalankan kajian lapangan atau '*fieldwork*'. Dalam menjalankan kajian ini terdapat empat kaedah pengumpulan data yang diaplikasikan iaitu kaedah pemerhatian, kaedah temubual, pendokumentasian dan kajian pustaka. Kaedah-kaedah ini sangat penting dalam mendapatkan data yang kukuh dan sahih yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian.

1.9.1.1 Kaedah Pemerhatian

Sebelum kajian ini dijalankan, kaedah pemerhatian digunakan untuk mendapatkan data awal untuk melihat permasalahan yang wujud berdasarkan subjek yang telah dipilih oleh pengkaji. Pengkaji telah melakukan tinjauan awal ke lokasi kajian bagi mendapatkan data awal mengenai kajian yang akan dijalankan. Pengkaji memerhati artifak, dan bahan visual seperti gambar bercetak yang terdapat pada setiap lokasi





kajian. Pemerhatian secara mendalam dilakukan dari aspek reka bentuk, perhiasan diri dan juga motif serta corak yang terdapat pada *Sabung Impit*.

1.9.1.2 Kaedah Temubual

Pengkaji menemubual serta merekodkan segala perbualan dengan menggunakan audio visual bersama dengan informan yang mempunyai pengalaman dalam penghasilan *Sabung Impit*. Aspek yang ditekankan dalam temubual ini adalah apakah nama dan makna setiap motif yang terdapat pada *Sabung Impit*, proses penghasilan reka bentuk dan nama pada setiap bahagian pakaian serta fungsi *Sabung Impit*.



1.9.1.3 Kaedah Kajian Perpustakaan

Kaedah kajian perpustakaan merupakan kaedah yang sangat penting digunakan dalam kajian ini. Bagi mengukuhkan data yang diperolehi pengkaji juga merujuk kepada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan. Hasil kajian terdahulu sangat penting bagi menerangkan bagaimana suku kaum Tombonuo itu sendiri dari sejarah asal usul, dan sangat penting dalam memahami keadaan sosial masyarakat Tombonuo itu sendiri agar setiap maklumat yang diperolehi adalah sah dan boleh dipercayai.





1.10 Batasan Kajian

Menerusi kajian ini, fokus penyelidikan hanya kepada Pakaian Tradisional dan Perhiasan diri sabung Impit Etnik Tombonuo Dalam Konteks KSSM Pendidikan Seni Visual

1.10.1 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan dan hanya berfokus kepada artifak yang telah dipilih iaitu *Sabung Impit*. Pengkaji telah membuat analisis berkaitan dengan apa yang dimaksudkan dengan *Sabung Impit* etnik Tombonuo di Paitan, Sabah. Sebelum kajian dijalankan pengkaji telah menjalankan kajian rintis bagi mengumpul maklumat asas yang diperlukan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Kajian rintis ini dilakukan dengan menghubungi Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, Persatuan Tombonuo Sabah dan temubual dengan pemilik pakaian tradisional *Sabung Impit* yang terdapat di Daerah Kecil Paitan.

Berdasarkan artifak yang diperolehi, Penyelidik mencerakinkan fokus kajian mengikut objektif yang telah digariskan iaitu, ciri-ciri *Sabung Impit*, aspek formalistik pada motif dan corak *sabung Impit* dan makna setiap motif dan corak pada *Sabung Impit*.



1.10.2 Batasan Tempat

Gambar 1.1

Lokasi Paitan Dalam Negeri Sabah



Sumber: [Http://www.sabah.gov.my/pdkpaitan/index.php/component/users](http://www.sabah.gov.my/pdkpaitan/index.php/component/users)

Kajian ini dijalankan di daerah kecil Paitan, daerah kecil ini terletak di bahagian timur Sabah dan terletak di pedalaman Sabah. Daerah Kecil Paitan mulai beroperasi pada 04 Januari, 1999, Keluasan adalah 2,466 km persegi atau 952 Batu Persegi Kawasan yang berdekatan dengan kawasan ini ialah:

1. Pekan Paitan - Kanibongan 42 km
2. Pekan Paitan - Pitas 69 km
3. Pekan Paitan - Kota Marudu 113 km
4. Pekan Paitan - Beluran 198 km
5. Pekan Paitan - Sandakan 230 km

Pengkaji membataskan tempat kajian kepada tiga kampung iaitu, kampung Puru Batu, Kampung Batangon Laut dan Kampung kenadaan di daerah kecil Paitan. Hal ini adalah kerana lokasi yang dipilih merupakan lokasi yang masih aktif dalam penghasilan



Sabung Impit. Setiap kampung yang dipilih ini merupakan masih lagi menyimpan artifak *Sabung Impit* seperti pakaian dan perhiasan diri pada pemakaian *Sabung Impit*. Selain itu, pengkaji juga akan melawat ke beberapa lokasi seperti Muzium Tekstil Negeri Sabah dan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, Pejabat Daerah Kecil Paitan dan Persatuan Tombonuo Sabah bagi mendapatkan koleksi gambar *Sabung Impit* dan mengesahkan maklumat yang diperolehi.

1.10.3 Batasan Informan

Dalam kajian ini pengkaji telah membataskan kajian kepada 5 orang informan utama yang dapat memberikan maklumat yang diberikan. Setiap lokasi yang dipilih hanya seorang informan saja dipilih. Berdasarkan kajian rintis yang telah dilakukan pengkaji telah menemubual setiap informan yang dipilih. Informan yang dipilih merupakan pemilik kepada artifak *Sabung Impit* dan mereka juga mempunyai kemahiran dalam menghasilkan *Sabung Impit*. Kesimpulannya, batasan informan yang dipilih oleh pengkaji ini, dapat memberikan maklumat yang diperlukan dalam menjalankan kajian ini.

1.11 Definisi Operasional

Dalam penyelidikan ini, definisi operasional digunakan secara menyeluruh dalam mendapatkan data yang diperlukan dalam penyelidikan. Setiap data yang dikutip adalah





berdasarkan kepada definisi operasional yang digariskan agar data yang dikutip adalah seragam dan sistematik. Berikut merupakan definisi operasi dalam penyelidikan ini.

Dalam penyelidikan ini, penyelidik membahagikan definisi operasi kepada beberapa kategori berdasarkan kepada objektif kajian. Bermula daripada pakaian tradisional, perhiasan diri serta motif dan corak yang terdapat pada pakaian tradisional etnik Tombonuo Paitan.

Bagi pakaian tradisional etnik Tombonuo Paitan, terdapat perbezaan penggunaan istilah bagi pakaian tradisi wanita dan lelaki bagi etnik Tombonuo Paitan. Bagi pakaian tradisional *Sabung Impit* merujuk kepada pakaian tradisional wanita Tombonuo Paitan sahaja. Sekiranya perkataan *Sabung* dan *Impit* dipisahkan maka perkataan ini merujuk kepada istilah yang lain atau makna yang berbeza. Perkataan *Sabung* bermaksud baju dalam bahasa Tombonuo manakala, perkataan *Impit* pula merujuk kepada sempit atau sendat.

Bagi pakaian tradisional lelaki Tombonuo hanya terdapat *Kontiu* yang bermaksud seluar. Jadual di halaman sebelah merupakan makna istilah yang digunakan dalam penyelidikan ini. Pendefinisian operasional berkaitan dengan istilah yang digunakan ditakrifkan seperti dalam jadual di bawah.



Jadual 1.1*Definisi Operasi*

Perkataan/istilah	Makna dalam Penyelidikan	Kategori
Sabung Impit	Pakaian tradisional wanita Tombonuo, Paitan	Pakaian tradisional
Sabung	Baju	Pakaian tradisional
Impit	Sempit/Sendat	Pakaian
Kontiu	Seluar Tradisional lelaki Tombonuo Paitan	Pakaian
Banglu	Mahkota Wanita yang berbentuk bulan	Perhiasan diri
Ramboi	Perhiasan rambut yang digantung pada banglu yang berwarna warni	Perhiasan diri
Tinombuku	Perhiasan yang digantung pada hujung ramboi yang menghiasi kepala	Perhiasan diri
Aboi	Perhiasan diri pada pinggang yang diperbuat daripada rotan dikenali juga sebagai tali pinggang	Perhiasan diri
Janji	Kain pasang/ ela	Kain
Tapi	Kain sarung	Pakaian
Lungkaki	Perhiasan diri pada kaki yang diperbuat daripada besi tembaga/gelang kaki tembaga	Perhiasan diri
Pantis	Titik-titik pada dahi yang diselang seli dengan kapur sirih, kunyit kuning dan gincu yang berwarna merah/ penyeri pengantin perempuan.	Perhiasan diri
Liningkong	Anting-anting wanita yang diperbuat daripada besi	Perhiasan diri
Atalambu	Corak pada dada sabung impit yang terhasil daripada pengulangan motif tulang nu paet	Corak
Tinggol onsungoi	Perhiasan diri iaitu rantai leher yang diperbuat daripada manik-manik yang pelbagai warna.	Perhiasan diri

Perkataan/istilah	Makna dalam Penyelidikan	Kategori
Golong onsungoi	Perhiasan diri gelang tangan yang diperbuat daripada manik-manik yang pelbagai warna.	Perhiasan diri
Golong lungkaki	Perhiasan diri Gelang tangan yang diperbuat daripada besi tembaga digunakan sebagai pengeras kepada bomoh yang mengubati pesakit.	Perhiasan diri
Soput	Alat mempertahankan diri iaitu sumpit yang diptbuat daripada kayu belian, digunakan untuk berburu dan sebagai perhiasan yang dipegang oleh lelaki semasa majlis perkawinan berlangsung.	Senjata
Pondikos	Kain yang berwarna merah, kuning dan merah yang di ikat pada tangan lelaki yang diisi dengan pelbagai azimat untuk kebal dan ilmu untuk mempertahankan diri.	Perhiasan diri dan amalan keagamaan
Golong lungkaki	Perhiasan diri gelang lelaki yang diperbuat daripada besi tembaga.	Perhiasan diri
Kambot	Tempat untuk menyimpan peluruh sumpit	Senjata
Tolungas tapi/ Sigal	Mahkota lelaki yang diperbuat daripada kain sarung atau kain putih kosong kemudian di letakkan pada kepala lelaki yang menentukan martabat serta kedudukan seseorang lelaki itu dalam satu-satu kampung	Perhiasan diri
Sopilang	Kain sarung yang di letak silang berbentuk "x" pada bahagian badan lelaki sebagai perhiasan diri.	Kain
Tongap	Peluruh sumpit	Senjata
Liow	leher	Pola baju
Longon	Tangan	Pola baju
Awak	Pinggang	Pola baju
Koyuwan	Badan	Pola baju
Isan	Tepi	Pola baju
Tapi	Kain sarung	Kain



Perkataan/istilah	Makna dalam Penyelidikan	Kategori
Bilu	Biru	Warna
Akod	Kaki	Pola baju

Sepanjang penyelidikan ini, penkaji menggunakan istilah ini agar setiap data yang diperolehi adalah sama dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Bermula daripada temubual, pemerhatian dan kajian perpustakaan. Secara keseluruhannya berikut merupakan perkataan dalam bahasa Tombonuo Paitan dengan definisi operasional yang digunakan dalam penyelidikan ini:

i. Sabung Impit



Sabung bermaksud baju, manakala Impit bermaksud sempit, namun dalam penyelidikan ini sabung impit ini merujuk kepada pakaian tradisional wanita Tombonuo Paitan yang dihasilkan dengan mengikut bentuk badan wanita yang ramping. Oleh itu Pakaian tradisional ini dipanggil sebagai Sabung impit

ii. Tapi bilu

Dalam penyelidikan ini, Tapi bermaksud kain sarung manakala *bilu* pula bermaksud warna biru. Namun dalam penyelidikan ini dua perkataan yang digabungkan bersama ini iaitu *Tapi Bilu* merujuk kepada kain yang menjadi pemasangan kepada Sabung Impit.

